

01 NOV 2003

KLCI-MINGGUAN/I

PASARAN HADAPAN INDEKS KOMPOSIT DIJANGKA SUSUT SEDIKIT

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Pasaran hadapan Indeks Komposit (IK) di Bursa Derivatif Malaysia (MDEX) dijangka susut sedikit selepas minggu yang "memenangkan" ini walaupun fundamental pasaran masih kukuh.

Prospek untuk pasaran meningkat lagi tetap ada apabila pasaran memberi reaksi positif kepada peralihan kepimpinan yang lancar dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengangkat sumpah sebagai perdana menteri kelima semalam menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara selepas berkhidmat selama 22 tahun.

Minggu ini, kontrak Okt. 2003 naik 13.0 mata kepada 812.0 dan Nov. 2003 naik 17.0 mata kepada 819.5, manakala Dis. 2003 dan Mac 2004 naik 12.0 mata setiap satu masing-masing pada 823.0 dan 835.5.

Jumlah dagangan bertambah kepada 18,718 lot daripada 9,984 lot minggu lepas, manakala kedudukan terbuka meningkat kepada 8,907 kontrak berbanding 8,449 kontrak sebelumnya.

IK pendasar melonjak 12.69 mata kepada 817.12.

Peniaga berkata pasaran menyaksikan aktiviti gulung matang kerana kontrak Okt. 2003 hampir tamat. Aktiviti pengambilan untung juga berlaku yang telah menghadkan tahap keuntungan. -- BERNAMA

SHO FR JR